

PM lancar model Kia Spectra dipasang di Malaysia

UM 4 OCT 2001

PETALING JAYA 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kereta Kia Spectra yang dipasang sepenuhnya dalam negeri oleh Naza Kia Sdn. Bhd., anak syarikat usaha sama Kumpulan Naza dan Kia Motors Corporation Korea Selatan.

Dengan pelancaran tersebut, Naza Kia merupakan syarikat pertama yang diberikan kepercayaan oleh Kia Motors untuk memasang model Spectra di luar Korea.

Sebelum ini, model tersebut dijual secara import pasang siap (CBU) dengan kira-kira 600 buah telah berada di atas jalan raya sejak ia dilancarkan pada Februari lalu.

Naza Kia menyasarkan untuk mengeluarkan 5,000 unit Spectra dalam operasi tahun pertamanya.

Spectra pemasangan tempatan yang ditawarkan dalam versi 1.6 liter dengan transmisi automatik sepenuhnya dijual pada harga RM79,004.06 hingga RM82,012.74 bagi pendaftaran persendirian dan RM79,618.24 hingga RM82,522.92 bagi pendaftaran syarikat.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri S. M. Nasimuddin S.M Amin dalam ucapannya di majlis pelancaran itu berkata, Naza Kia telah melabur RM8 juta bagi pembinaan sebuah pusat jualan dan perkhidmatan kenderaan keluaran Kia di Puchong, Selangor.

Kenderaan

Katanya, pelaburan itu merupakan komitmen kumpulan itu untuk memberikan perkhidmatan selepas jualan kenderaan Kia.

Nasimuddin berkata: "Sejumlah besar wang dilaburkan untuk membina rangkaian selepas jualan yang cekap sebagai pusat jualan khidmat bertauliah dengan disokong oleh pusat perkhidmatan dan alat ganti pusat bernilai RM10 juta di Setapak, Kuala Lumpur."

Beliau berkata, langkah itu juga akan menjadikannya pusat latihan serantau bagi KIA Motor Corporation (Kia), bagi kawasan Asia Pasifik.

Naza Kia, pengedar kereta dan pacuan empat roda Kia telah membawa masuk lebih 18,000 kenderaan Kia melalui jalinan rangkaian pusat jualan sebanyak 56 buah di seluruh negara, kata beliau.

Kata Nasimuddin, anak syarikat Kumpulan Naza itu telah memperoleh anugerah sebagai pengedar utama Kia di rantau Asia Pasifik selain diberikan anugerah pembaikan perkhidmatan selepas jualan.

Beliau berkata, Kumpulan Naza melibatkan diri dalam perniagaan kenderaan sejak tahun 1975, tetapi pembabitan dalam pengedaran kereta Kia bermula 20 tahun yang lalu.

Nasimuddin berkata, Naza Kia memperkenalkan model pertama kenderaan Kia ke pasaran Malaysia ialah Sportage, kenderaan pacuan empat roda Kia, sebelum diikuti dengan 'Sephia', 'Clarus' dan 'Carnival', sebuah kenderaan pelbagai guna atau MPV.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kia di sini, Y.S. Koh berkata, sejumlah 51,000 buah kereta Kia disasarkan untuk dijual di pasaran Asia dan Pasifik termasuk Malaysia tahun ini.

"Kami sedang berusaha membangunkan reputasi dan jualan di Asia sesuai dengan usaha menjadikan kumpulan pengeluar kenderaan, Kia Hyundai Automative antara lima syarikat utama dunia menjelang tahun 2010."